



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melter Jiki Tais
Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558
<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Triniti 9 - 2 Ogos 2026

Doa Hari Ini

Bapa segala bangsa, yang memberi Anak-Mu yang tunggal untuk mengambil rupa seorang hamba dan taat setia bahkan sampai mati di atas kayu salib; berilah kami fikiran yang sama dengan fikiran di dalam Yesus Kristus, supaya dengan mengambil bahagian dalam kerendahan-Nya, kami akan bersama-sama dengan Dia dalam kemuliaan-Nya, yang hidup dan memerintah dengan Engkau dan Roh Kudus, satu, sekarang dan selamanya. Amin.

Injil - Lukas 21:10-19

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 4:1-13



“Yesus, tolonglah saya agar berani bersaksi tentang-Mu.”

MESTI BERCAKAP

KISAH PARA RASUL 4:20

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. **PERSEKUTUAN DOA JEMAAT HARI INI**

CHI - Pavilion, 9:45 pagi. ENG - Dewan Alpha, 11:45 pagi. BM - Gereja, 7:30 malam.

2. **PERJALANAN PEMURIDAN**

Kita teruskan siri khutbah yang mengajak kita merenungkan kehidupan kita bersama di Gereja Kristus Likas:

- Cabaran-cabaran Gereja
 - 2 Ogos - 'Penyalahgunaan', KPR 3&4
 - 9 Ogos - 'Ketidakpercayaan', KPR 5
 - 16 Ogos - 'Salah faham', KPR 6



3. **SALAM TAKZIAH**

Salam takziah yang tulus kepada saudara Annie atas pemergian suami tercinta, saudara seiman dan paderi yang kita kasihi, mendiang Rev. George Chong Meu Fook, 70 tahun.

Rev. George telah melayani di Gereja Kristus Likas selama bertahun-tahun dalam pelbagai kapasiti pelayanan. Selepas pentahbisannya, beliau dengan setia memimpin Perjamuan Kudus minggu demi minggu, serta melayani Perjamuan Kudus di rumah bagi mereka yang memerlukannya. Kehilangan beliau amat dirasai. Marilah kita mendoakan Annie dan seluruh keluarga.

4. **AHAD PENETAPAN - 23 OGOS**

- 9 Ogos, Ahad depan – 7 orang akan dibaptiskan.
- 23 Ogos, Ahad - 38 orang akan ditetapkan.
 - 8:30 pagi – Ibadah Penetapan Gabungan CHI & ENG
 - 11:30 pagi - Ibadah Penetapan BM

Marilah kita mendoakan semua calon pembaptisan dan penetapan. Kiranya Roh Kudus terus menguatkan dan memelihara mereka sehingga kedatangan Tuhan Yesus Kristus.

5. **SINOD DIOSIS KE-34 - 24-27 OGOS**

Berdoalah untuk Bishop Melter agar Tuhan terus memimpin dan menguatkannya dalam memimpin diosis melaksanakan misi Tuhan di Sabah dan sekitarnya. Doakan juga untuk enam orang wakil gereja kita.

6. **VAN GEREJA BAHARU**

Dana yang diperlukan: RM180,000. Terkumpul setakat ini: RM22,570.



7. KONFERENSI ALKITAB

Tema: 'DI BUMI SEPERTI DI SYURGA': Memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.

- 14 Ogos, Jum, 7:30 pm - Sesi 1: 'Penciptaan & Pandangan Dunia'
- 15 Ogos, Sab: 9:00 pagi
 - Sesi 2 & 3: 'Penebusan dan Pandangan Dunia'; 'Pemulihan & Pandangan Dunia'.
 - Kesaksian Penerapan: 'Pemberian Kristian – Menggunakan Wang Saya untuk Kerajaan Tuhan'
- Pembicara: Dr. Jason Garwood (pastor-teologis), dan, Ps. Matthew Belleville (pastor-penginjil).
- Semua sesi akan dijalankan dalam bahasa Inggeris.
- Sila mendaftar dengan yuran RM10 untuk menikmati jamuan kopi!

8. ACARA ISTIMEWA

- 15 Ogos, Sab, 6:30 ptg
 - Untuk muda-mudi CHI&ENG - 'Pembelajaran Kristian – Menggunakan pendidikan saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: En. James Woo (KL), pendidik dan pensyarah.
- 16 Ogos, Ahad
 - EN Service, 9:30 am - Dr. Jason Garwood preaches.
 - Persekutuan Kampus BM, 1:30 pm - 'Panggilan Kristian – Menggunakan hidup saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: Pak Marco Sandhiputra (Jakarta).
 - ENG & BM, 7.30 malam – 'Kesihatan Sepanjang Hayat': Dr. Jason akan berkongsi perjalanan beliau menjaga isterinya yang menghidap kanser.

Berdoa agar sesi ini membawa semangat baru untuk belajar.

9. PELAYANAN LAINNYA

- 12–20 Ogos – Kejohanan **Bola Keranjang Antara Gereja**
- 20-23 Ogos - **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICCC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Irean Kong.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Ogos 3	Mat 27	Mz 51	Jum, Ogos 7	Mrk 3-4	Mz 55
	Sel, Ogos 4	Mat 28	Mz 52	Sab, Ogos 8	Mrk 5-6	Mz 56
	Rab, Ogos 5	Mrk 1	Mz 53	Ahd, Ogos 9	Mrk 7-8	Mz 57
	Kha, Ogos 6	Mrk 2	Mz 54			

Kisah Para Rasul 4:1–13 – “Penyalahgunaan Kuasa” - Untuk Renungan & Perbincangan:

- Pernakah anda dilayan dengan tidak adil? Bagaimana perasaan anda ketika itu, dan sekarang?
- Para pemimpin agama menangkap Petrus dan Yohanes kerana mereka mengajar tentang Yesus dan kebangkitan-Nya (ayat 1–3). Mengapakah mesej ini mengancam mereka? Apakah tanggungjawab pemimpin agama? Apakah yang hal ini ajarkan tentang bagaimana kuasa boleh disalahgunakan?
- Petrus membuat tiga pengisytiharan penting: tentang kebangkitan (ayat 10); tentang keselamatan (ayat 12); dan tentang menjadi saksi (ayat 20). Mengapakah Petrus begitu berani (ayat 8, 13)?
- Apakah cabaran yang kita hadapi sebagai orang Kristian dalam keluarga, tempat kerja dan negara kita? Bagaimanakah kita boleh menjadi berani dalam kesaksian kita? Baca juga Matius 10:16–20.
- Walaupun Petrus dan Yohanes adalah “orang biasa yang tidak berpendidikan”, mereka berubah kerana telah bersama Yesus (ayat 13). Bagaimanakah kita boleh hidup mencerminkan Yesus?
- Fikirkan seseorang yang sedang menghadapi cabaran iman. Doakan dan berikan dorongan kepadanya. Jadilah berani.

UNTUK DIDOAKAN

Diosis Kita yang Tercinta

- Bersyukur atas 64 tahun penyertaan Tuhan dalam diosis kita. Berdoalah agar Tuhan terus mengurniakan kasih karunia, hikmat dan pimpinan-Nya pada tahun-tahun yang akan datang. Berdoalah juga untuk Sinod.

Gereja Kristus Likas yang Kita Kasih

- Berdoalah untuk golongan belia kita, agar perjalanan iman mereka bermakna, terus bertumbuh dalam Tuhan, dan mempunyai sahabat-sahabat yang baik untuk berjalan bersama dalam iman.

Diri sendiri

- Berdoalah untuk mereka yang tinggal dan bekerja dalam persekitaran di mana iman Kristian mereka tidak difahami atau tidak dihargai. Kiranya mereka tetap setia kepada Yesus.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.